

Najib, Rosmah beri penghormatan terakhir
Utusan Online
26 Disember, 2012

PETALING JAYA 25 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan bekas Presiden Gerakan, mendiang Tun Dr. Lim Keng Yaik sebagai tokoh politik negara yang dihormati serta disegani ramai.

Sambil melahirkan rasa sedih atas pemergian mendiang, Najib berkata, beliau secara peribadi berasa kehilangan memandangkan Keng Yaik merupakan pemimpin yang melangkau dua era iaitu ketika zaman Allahyarham ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein sebagai anggota Kabinet dan zamannya sebagai rakan sejawatan dalam Kabinet sebelum ini.

"Kali terakhir saya berurusan dengan mendiang ialah sewaktu beliau berjumpa bagi mempertimbangkan peruntukan tahunan untuk Universiti Terbuka Wawasan (WOU) yang amat dekat di hatinya. Dan saya memberi persetujuan iaitu RM6 juta setahun untuk tempoh lima tahun," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas memberi penghormatan terakhir ke atas mendiang di sini hari ini.

Najib yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor berada di kediaman Keng Yaik selama kira-kira setengah jam bersama-sama pemimpin lain yang turut hadir antaranya Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman juga antara yang turut hadir memberi penghormatan terakhir ke atas mendiang pagi ini.

Najib berkata, mendiang turut dikenali sebagai seorang yang mempunyai semangat serta gaya tersendiri dalam politik.

Gaya tersendiri itu jelasnya, sangat menarik dan mendiang juga tidak gentar memberi sebarang pandangan dalam sebarang isu.

"Sepanjang tempoh dalam Kabinet, beliau berjaya memperjuangkan kepentingan ekonomi negara melalui usaha-usaha kita menstabil harga komoditi negara. Dalam bidang politik, sebagai Presiden Gerakan, malah sebelum itu lagi, beliau banyak memberi sumbangan dalam konteks memperjuangkan kepentingan Barisan Nasional (BN).

"Mendiang juga amat percaya pentingnya negara ini yang berbilang kaum dan agama dapat hidup aman dan damai," jelasnya.

Di peringkat antarabangsa pula, kata Najib, mendiang berjaya mewujudkan hubungan dengan beberapa negara dalam usaha memacu dan memperjuangkan kepentingan negara.

"Kehilangannya amat dirasai negara dan saya serta isteri secara peribadi. Mendiang memiliki gaya yang tersendiri, susah nak cari pemimpin seperti beliau dalam politik negara. Kita akan merindui dan mengingatnya sepanjang masa," katanya.

Bekas Menteri Tenaga, Air dan Telekomunikasi itu meninggal dunia di rumahnya di Tropicana Country Resort dekat sini, pukul 5.13 petang Sabtu lalu pada usia 73 tahun.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121226/dn_02/Najib-Rosmah-beri-penghormatan-terakhir